

SENARIO PONTENG SEKOLAH DI MALAYSIA DAN LUAR NEGARA

Suria bt Abd Jalil

Menurut Nor Azman Sharif (2005), remaja merupakan golongan yang melalui peringkat kritikal perubahan diri dari segi mental dan fizikal. Perubahan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja termasuklah pelajar. Pelbagai fenomena yang ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan pelajar menghadapi tekanan ini dengan sifat memberontak yang merupakan salah satu faktor pemangkin kepada timbulnya pelbagai masalah disiplin para pelajar di sekolah khususnya.

Senario ponteng sekolah bukanlah merupakan masalah sosial yang baru di kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan pelajar terbabit dengan gejala itu agak membimbangkan iaitu 32092 orang pada tahun 1993, 154305 orang pada tahun 1995 dan 80937 orang pada tahun 1997. Pelajar sekolah menengah, terutama di peringkat usia antara 14 hingga 15 tahun dikenal pasti sebagai kumpulan majoriti yang terbabit dengan gejala ponteng. Daripada keseluruhan pelajar yang dikenal pasti terbabit dengan masalah ponteng, kira-kira 97 peratus adalah dari kalangan pelajar lelaki dan baki 3 peratus adalah pelajar perempuan. Manakala, rekod diperolehi dari unit Disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia, (1994:16) dilaporkan pelajar ponteng sekolah pada :

- 1992 = 32092 kes.
- 1993 = 28005 kes.
- 1994 = 34881 kes. (Utusan Malaysia 24 Ogos 1995. dlm Mat Kilau (1997:4))

Laporan salahlaku pelajar sekolah menunjukkan bahawa ponteng sekolah merupakan salahlaku yang tertinggi peratus penglibatan di kalangan pelajar. Hasrat Kementerian Pendidikan ke arah 'Zero Defect' dalam masalah ponteng sekolah akan terjejas jika masalah ini tidak diatasi dengan segera. Ponteng sekolah merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika dibiarkan boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar sendiri, keluarganya dan juga sekolah. Seterusnya perlakuan ponteng juga memungkinkan

seseorang pelajar hilang sifat bertanggungjawab, ketinggalan dalam pelajaran dan yang paling dikhuatiri mereka akan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan negatif.

Sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan stail penampilan artis yang mereka minati, jika tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk bekerja demi mendapat wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah. Ismail Yusuf (1983) dalam kajiannya mendapati bahawa lebih ramai ibu bapa daripada kumpulan pelajar yang ponteng sekolah, tidak mengambil berat tentang pelajaran dan kemajuan anak-anak. Keadaan berbeza jika dibandingkan dengan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang tidak ponteng sekolah. Mereka sering memberi perhatian terhadap kerja-kerja sekolah anak-anak serta meletakkan harapan yang tinggi dalam markahmarakah ujian anak-anak.

Ee Ah Meng (1997) menyatakan bahawa rakan sebaya merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi personaliti seseorang. Rakan sebaya mempunyai nilai-nilai tersendiri. Manakala, menurut kajian Krohn and Thornberry (2001), banyak penyelidikan telah dilakukan di mana pelajar yang terlibat dengan rakan sebaya yang nakal lebih cenderung melakukan kesalahan.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Abd Rahim Hamdan (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan . Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd .
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Students Difficulties in Reading. *European Journal of Scientific Research, European Journal of Social Science* ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4 (Scopus, IF 0.736)
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Contributing Factor of Using Information Technology in Teaching and Learning among Engineering Teachers. *European Journal of Scientific Research* ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4 (Scopus, IF 0.736)
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Behavioural Sciences on Learning Style and Teaching Technique Induces the Force of Intelligent of Civil Engineering Programme in Technical School, *European Journal of Social Science*. ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Zahari Hamidon, Baharudin Arus, Gan Lui Nam (2013) Practice And Level of Reflectivity Amongst Student Teachers Of Universiti Sains Malaysia, *European Journal of Scientific Research* ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Mohammed Hassan Omar, Nurul Ezzati Azizi and Faridah Suboh (2012) Occupational stress among technical teachers in technical schools in Johore, Malacca and negeri sembilan *Elixir Psychology* 42A (2012) pg 6549-6554 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Mohammed Hassan Omar, Nurul Ezzati Azizi and Faridah Suboh (2012) A study on implementation of play in kindergarten at tampoi and skudai, johor. *Elixir Psychology* 44 (2012) pg 7504-7511 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, and Faizah Idris (2012) The relationship between big five personality with work motivation, competitiveness and job satisfaction, *Elixir Psychology* 44 (2012) 7454-7461 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Ng Sar Ee 1 Juriah@Daing Junaidah Bachok, Noordin Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Goh Mo Lee (2012), The Impact of Dimension of Emotional Intelligence towards Academic Achievement among Secondary school Students, *Archives Des Sciences Journal* ISSN: 1661-464X, vol 65 no 4, March, pg 2-17,
- Noordin Yahaya, Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Syarifah Nurul Ain Bt Syed Alwee (2012) , The Relationship Between Occupational Stress, Organizational Commitment, Job satisfaction with organizational Citizenship Behaviour *Archives Des Sciences Journal* Volume 65, Issue 3. pg 55-73, ISSN: 1661-464X
- Cano, J., & Miller, G. (1992) A gender analysis of job satisfaction, job satisfier factors and job dissatisfier factors of agricultural education teachers. *Journal of Agricultural Education*.
- Cohen, S., & Wills, T.A. (1985). Stress, social support and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin*, 98, 310-357.
- Eubanks, E., & Levine, D. (1983). A first look at effective school projects at inner-city elementary schools. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, Montreal.
- Grossnickle, D., Bialk, T., & Panagiotaros, B. (1993). The school discipline climate survey : Toward a safe, orderly learning environment. *NASSP Bulletin*, 77(556), 60-66.
- Hartup, W.W. & Stevens, N. (1997). Friendships and adaptation in the life course. *Psychological Bulletin*. 121(3), 355-370.
- Herzberg, F., Mausner, B. & Snyderman, B.B. 1959, *The Motivation to Work*. John Wiley. New York.

Ishak, Mad Shah & Mastura, Mahfar. (2007). Impak tingkahlaku kepimpinan transaksi dan transformasi pengetua ke atas tingkah laku kerja guru-guru. In: The 5th ASEAN Symposium on Educational Management and Leadership (ASEMAL 5), 18-19 August 2007, Legend Hotel, Kuala Lumpur.

Kerns, K.A. (1996). Individual differences in friendship quality and their links to child-mother attachment. Chapter to appear in W.M. Bukowski, A.F. Newcomb, & W.W. Hartup (Eds.), *The company they keep: Friendship in childhood and adolescence* (pp. 137-157). Cambridge University Press

Maslow, A.H. (1970). *Motivation and Personality*. New York : Harper and Row.

McGregor, D. (1960) *The Human Side of Enterprise*. New York: McGraw-Hill

Mendel, P. (1987). *An investigation of Factors that Influence Teacher Morale and Satisfaction with Work Conditions* (Doctoral dissertation, University of Oregon).

Mendel, P. (1987). *An investigation of Factors that Influence Teacher Morale and Satisfaction with Work Conditions* (Doctoral dissertation, University of Oregon).

National Research Council and the Institute of Medicine. (2004). *Engaging Schools: Fostering High School Students' Motivation to Learn*. Committee on Increasing High School Students' Engagement and Motivation to Learn. Board on Children, Youth, and Families, Division of Behavioral and Social Sciences and Education. Washington, DC: The National Academies Press.

Oneschuk, C.W. (2007). *Problematic school discipline climate: The discrepancy between perceptions of the importance and satisfaction with school discipline climate, and its potential consequences*. University of Windsor.

Shagbemi, T. (2000) *Gender differences in Job Satisfaction of University Teachers*. *Women in Management Review*. Vol. 15 ISS 7, pp. 331-343

Parker, J.G., & Asher, S.R. (1993). Friendship and friendship quality in middle childhood: Links with peer group acceptance and feelings of loneliness and social dissatisfaction. *Developmental Psychology*, 29, 611–621.